

31 AUG 2001

MALAYSIA-KAWALAN

KAWALAN MODAL TERPILIH WUJUDKAN KESTABILAN EKONOMI BERTERUSAN

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Kini setelah masuk tiga tahun sejak Malaysia memperkenalkan kawalan modal terpilih, suatu yang tidak dapat disangkal adalah ianya telah berjaya membuktikan satu perkara: membantu menyediakan kestabilan yang begitu diperlukan kepada ekonomi negara bagi mengatasi kesan suasana pergolakan luar pada ketika itu dan juga sekarang.

Bercanggah dengan apa yang diramalkan oleh sesetengah pengkritik, kawalan itu yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Sept, 1998, tidak menggugat atau mencetuskan sebarang kesan negatif kepada ekonomi tempatan.

Sebaliknya ekonomi Malaysia, yang menguncup sebanyak 7.4 peratus pada 1998

-- paling buruk sejak negara mencapai kemerdekaan -- memantul semula sebanyak

5.8 peratus pada 1999 dan melonjak sebanyak 8.5 peratus pada 2000.

Malaysia mengenakan kawalan modal terpilih selepas spekulator matawang membawa perbandingan ringgit kepada hampir RM5 berbanding satu dolar Amerika.

Kegawatan ketika krisis kewangan serantau menyaksikan kekayaan syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terhakis sebanyak AS\$250 bilion.

Kekecewaan terhadap manipulasi seumpama itu masih lagi memberi kesan yang mendalam kepada banyak pihak terutama Dr Mahathir, yang merasakan sistem kewangan antarabangsa sepatutnya disusun semula untuk mengelak kegiatan sedemikian daripada terus berlaku. Namun tiada perubahan yang berlaku setakat ini meskipun banyak pertemuan diadakan untuk berbincang mengenai pembaharuan kerangka kewangan antarabangsa kerana pihak-pihak yang pentingkan diri sendiri masih berdegil dan enggan memberikan kerjasama.

Disebab itu juga, Malaysia turut enggan mengalah dan tidak berganjak daripada keputusan sama ada untuk menghapuskan kawalan modal terpilih ataupun penetapan ringgit, terutama jika langkah-langkah itu tidak memberi kesan negatif kepada ekonomi tempatan.

Menoleh kembali kebelakang, pengenalan kawalan pertukaran terpilih terbukti tidak mewujudkan pasaran gelap apabila ringgit ditetapkan kepada kadar yang kompetitif pada RM3.80 berbanding dolar Amerika.

Dalam kes Malaysia, sekatan dikenakan hanya pada akaun modal, bukan akaun semasa. Ini bermakna pengeluaran, pengimport dan perniagaan lain di Malaysia masih mempunyai akses kepada dolar Amerika dan matawang lain.

Kawalan berjaya kerana kadar pertukaran ringgit ditetapkan pada kadar realistik 3.80 berbanding dolar AS dan kawalan dilaksanakan dengan karenah birokrasi yang minimum.

Mungkin satu-satunya masalah yang timbul adalah kesan yang dirasakan oleh manipulator matawang yang menentang langkah-langkah perlindungan kukuh yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa Malaysia.

Mampukah kita membayangkan senario tanpa kawalan seumpama itu selepas melihat apa yang telah dilakukan oleh manipulator matawang kepada Malaysia dan negara lain di rantau ini pada awalnya dan kemudiannya serangan mereka ka atas matawang negara-negara jiran?.

Gambaran situasi jika pihak berkuasa tidak mengenakan kawalan modal selektif: manipulator-manipulator ini mungkin akan mencuba menurunkan nilai ringgit malahan pada tahap serendah mungkin, terutama ketika ini permintaan bagi komponen elektronik yang membentuk sebahagian besar eksport Malaysia

telah merosot. AS, pasaran terbesar negara bagi komponen seumpama itu, masih lagi diselubungi dengan kelembapan ekonomi.

Sokongan terhadap langkah Malaysia itu semakin meningkat meskipun para pengkritik setia masih lagi melemparkan kecamannya ke atas pengurusan dan ekonomi Malaysia. Mereka masih enggan mempercayai bahawa Malaysia boleh melakukannya tanpa kesalahan dan Malaysia melakukannya dengan semangat juang "Malaysia Boleh".

Ia bukannya sekadar kebetulan atau nasib semata-mata, kata Datuk Dr Fong Chan Onn, Menteri Sumber Manusia dan pengerusi Biro Ekonomi MCA.

Kritikan-kritikan sebelum ini mulai reda dan berjaya diyakini bahawa usaha-usaha Malaysia dalam menangani dana spekulatif menerusi kawalan modal mungkin satu pilihan berdaya maju bagi negara-negara lain yang berdepan dengan keadaan yang serupa.

Sokongan terbaru datangnya daripada pengarah urusan Lehman Brothers Theodore Roosevelt IV yang menyatakan pengurus dana asing kini mula menyedari bahawa sesetengah keputusan yang diambil oleh kerajaan bukanlah seteruk yang disangkakan.

"Pelabur-pelabur kini mula menyatakan perkara-perkara yang baik mengenai Malaysia," katanya.

Sean Wallace, presiden operasi Asia Pasifik JP Morgan, sebuah bank pelaburan AS, juga memuji usaha-usaha penyusunan semula Malaysia yang menurutnya jauh lebih baik berbanding negara-negara Asia lain yang turut dilanda oleh krisis dan malahan sesetengah ekonomi di Amerika Selatan.

Ramai pelabur asing, yang sebelum ini dikaburi oleh laporan negatif media yang berat sebelah terkejut melihat Malaysia masih mampu bertahan apabila mereka datang dan melihat dengan sendiri bagaimana negara berjaya menguruskan ekonominya dengan baik.

Misalnya, Dr Rainer Herret, pengarah eksekutif Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia-Jerman berkata hakikat bahawa lebih 300 syarikat Jerman berjaya mempamerkan prestasi yang baik di negara ini mencerminkan akan kemapanan ekonomi Malaysia. Malahan, katanya, Malaysia seharusnya mengambil langkah lebih aktif memperkenalkan diri ke luar dan menarik lebih banyak syarikat Jerman melabur di negara ini.

Memandangkan hanya sebahagian kecil pakej ransangan fiskal RM3 bilion yang diumumkan pada Mac tahun ini digunakan, terdapat jangkaan pihak berkuasa akan melaksanakan langkah yang menyeluruh untuk memastikan bahagian utama ekonomi dapat merasai kesan yang positif.

Dengan penyusunan semula berterusan dalam sektor perbankan tempatan, pembaharuan entiti diswasta tertentu yang bermasalah dan senario pasaran saham yang bertambah baik di tengah-tengah pemulihan keyakinan pelabur, prospek yang positif kelihatan menyebelahi ekonomi Malaysia. Malaysia Boleh!. -- BERNAMA

SHY MR ZK